

11H8M ITALI + SWISS

[ALL-IN]
Harga bermula dari
RM 15,390*
seorang
Oktober 2025 -
Disember 2025



MENARA CONDONG PISA IALAH KEAJAIBAN SENI BINA ITALI YANG TERKENAL, TERUTAMANYA TERKENAL DENGAN KECONDONGAN KETARA YANG DISEBABKAN OLEH ASAS TENGGEAM SEMASA PEMBINAAN.



11H8M ITALI + SWISS



TOUR CODE:
WFZ08-TK

HARI 01 KUALA LUMPUR - ISTANBUL - ROME

- Berkumpul di KLIA untuk menaiki penerbangan ke Rome. (Transit di Istanbul).

HARI 02 ROME

SP/MM

Tiba di Rome.

Lawatan di **Rome**:

- Berfoto di ikon binaan kota ini, **Colosseum** yang merupakan sebuah stadium memuatkan 80,000 penonton dibina pada 1950 tahun dahulu sebagai tempat keraian dan perlawanan gladiator.
- Berjalan melepasi kawasan pelbagai tarikan zaman empayar Rom seperti **Arch of Constantine, Trojan Column, Temple of Venus, Roman Forum, Trojan Forum** dan **Trojan Market** yang dahulunya merupakan pusat bandar Roman.
- Victor Emmanuel II National Monument**: Sebuah monumen kepada raja pertama yang menyatukan Italy pada tahun 1848.
- Berfoto di air pancut **Trevi Fountain** yang terkenal dengan ukiran senibinanya yang cukup indah dibina pada 1762.
- Masa bebas untuk membeli-belah di butik-butik terkenal sekitar Spanish Steps iaitu 135 anak tangga bersejarah yang terletak di Piazza Di Spagna.
- Melawat **St. Peter Basilica** di Vatican City yang merupakan negara yang terkecil di dunia sebelum membeli-belah di Castel Romano Designer Outlet.
- Bersolat di masjid yang terbesar di Eropah, **Grand Mosque of Rome** yang dibina pada 1994 dengan cukup indah dan boleh menempatkan 12,000 jemaah. Bermalam di **Rome**.

HARI 03 ROME - PISA - FLORENCE

SP/MM

Lawatan di **Pisa**:

- Melawat **Square of Miracles** di mana di dataran inilah terletaknya menara condong yang paling terkenal di serata dunia iaitu **Leaning Tower of Pisa** yang dibina pada tahun 1173 selain tarikan lain iaitu The Duomo, The Pisa Baptistery, New Hospital of Holy Spirit dan Monumental Cemetery.
- Masa bebas di **Piazza Dei Miracoli** yang turut menempatkan **Pisa Cathedral, Pisa Baptistery, New Hospital of Holy Spirit** dan **Monumental Cemetery**.

Lawatan di **Florence**:

- Menikmati pemandangan panorama kota Florence dari atas bukit Piazzale Michelangelo yang turut menempatkan patung gangsa ukiran artisan terkenal **Statue of Michelangelo**.
- Berfoto di **Palazzo Vecchio** yang merupakan dewan bandaraya kota ini yang dibina pada 1299 .
- Bersiar-siar di **Piazza Del Duomo** yang menempatkan bangunan penting kota ini iaitu Il Duomo Di Firenze yang dibina pada 1436 dengan kubahnya yang merupakan kedua terbesar di dunia dan menara loceng setinggi 85m **Giotto's Campanile** dan bangunan tertinggi di **Old Town Florence** iaitu **Florence Cathedral (The Duomo)** dengan menara locengnya **Giotto's Campanile** dan **Baptistry of St. John** yang berbentuk octagon.

Bermalam di **Florence**.

HARI 04 FLORENCE - VENICE

SP/MM

Lawatan di **Venice**:

- San Marco Square**: Dataran utama yang menempatkan pelbagai tarikan di sekitarnya seperti gereja San Marco Basilica dan juga menjadi tapak bagi sebarang acara utama di pulau ini.
- Doge's Palace**: Istana kediaman pemerintah Venice dahulu yang dibina pada 1340 dengan ukiran bercirikan Gothic dan kini menjadi muzium.
- Bridge Of Sighs**: Sebuah jambatan terkenal dengan kisah cinta Casanova yang menyambungkan Doge's Palace dengan penjara.
- San Marco Campanile**: Menara loceng setinggi 99m dibina pada tahun 1912 selepas menara asalnya yang dibina pada 1514 runtuh pada tahun 1902.
- Grand Canal**: Terusan utama dan terbesar di kepulauan ini yang memisahkan antara San Marco dan San Polo dan dihubungkan dengan Rialto Bridge, jambatan ikonik dan tertua di kota Venice yang siap dibina

pada tahun 1591 sambil membeli buah-buahan di Rialto Market melihat cara pembuatan kraftangan dari kaca di Murano Glass Factory.

- Dengan bayaran tambahan, peserta berpeluang untuk menikmati pengalaman menarik menyusuri terusan di kota ini dengan menaiki bot gondola. Menaiki bot untuk pulang semula ke Tronchetto, makan malam di restoran dan pulang ke hotel.

Bermalam di **Venice**.

HARI 05 VENICE - BERGAMO - MILAN

SP/MM

Lawatan di **Bergamo**:

- Menaiki funicular tram ke puncak Citta Alta.
- Berfoto di **Piazza Vecchia** untuk berfoto dengan tarikan di sekitar dataran ini iaitu istana kurun ke-12 Palazzo Della Ragione, menara loceng Torre Civica setinggi 43cm dan kolam air pancut Contarini Fountain yang dikelilingi dengan ukiran sphynx, singa dan ular.

Bermalam di **Milan**.

HARI 06 MILAN - COMO - FOXTOWN - LUGANO

SP/MM

Lawatan di **Como**:

- Tempio Voltiano** iaitu sebuah muzium yang dibina untuk memperingati pencipta bateri elektrik Alessandro Volta dan memorial Perang Dunia Pertama Monumento Ai Caduti yang terletak di tepi tasik.
- Peserta akan dibawa menaiki feri mengelilingi **Lake Como** untuk menikmati pemandangan indah tasik bergunung-ganangnya dan bandar-bandar kecil di sekitar Como seperti Bellagio dan Varenna.

Lawatan di **Foxtown**:

- Membeli-belah di **FoxTown Factory Stores** yang menawarkan pelbagai butik barangan berjenama seperti Burberry, Clarks, D&G, Furla dan banyak lagi.

Lawatan di **Lugano**:

- Peserta akan diberi masa bebas untuk bersiar-siar di **Katedral San Lorenzo, San Rocco, SantaParco Ciani** dan berfoto di sekitar kawasan Tasik Lugano.

Bermalam di **Lugano**.

HARI 07 LUGANO - ZERMATT - INTERLAKEN

SP/MM

Lawatan di **Zermatt**:

- Bergerak ke Taesch dan menaiki keretapi dari Taesch ke Zermatt. Masa bebas untuk bersiar-siar seperti singgah ke Tasch iaitu sebuah kampung kecil yang juga merupakan titik awal untuk Zermatt, melihat gunung Matterhorn yang ikonik di dunia. Masa bebas di Zermatt.

Bergerak ke Taesch dan menaiki keretapi dari Zermatt ke Taesch.

Lawatan di **Interlaken**:

- Berfoto di sekitar tasik-tasik terkenal yang terdapat di Interlaken iaitu **Lake Brienz** dan **Lake Thun** (masa bebas).

Bermalam di **Interlaken**.

HARI 08 INTERLAKEN

SP/MM

- Grindelwald** sebuah perkampungan yang terletak di kawasan pergunungan Bernese Oberland di Switzerland. Ia dikelilingi oleh beberapa gunung terkenal seperti Eiger, Wetterhorn dan Jungfrau. Grindelwald sering menjadi titik permulaan untuk aktiviti mendaki, ski, dan pelancongan ke kawasan pergunungan.

- Jungfrau** ialah kawasan tinggi di pergunungan Alps, Switzerland, dikenali sebagai "Top of Europe". Ia terletak di antara gunung Jungfrau dan Mönch, dan menempatkan stesen kereta api tertinggi di Eropah (3,454 meter dari paras laut). Dapat menikmati pemandangan glasier Aletsch, salji sepanjang tahun, dan pelbagai aktiviti seperti lawatan ke Ice Palace dan Snow Fun Park.

- Lauterbrunnen** sebuah perkampungan indah di lembah Alpine, Switzerland, terkenal dengan air terjun yang menjulang tinggi (seperti Staubbach Falls) dan pemandangan dramatik dikelilingi tebing curam serta gunung bersalji. Ia juga merupakan pintu masuk ke destinasi popular seperti Jungfrauoch, Wengen, dan Mürren. Suasana tenang dan alam semula jadi menjadikan Lauterbrunnen antara tempat tercantik di dunia.

Para peserta bebas bersiar-siar dan berfoto di ketiga-tiga kawasan itu.

Bermalam di **Interlaken**.



HARI 09 INTERLAKEN - ZURICH

SP/MT

- **Iseltwald** ialah sebuah kampung kecil yang terletak di tepi Tasik Brienz di Switzerland, dalam kawasan Bernese Oberland. Ia terkenal dengan pemandangan tasik yang tenang, chalet tradisional, dan suasana kampung yang damai.

Lawatan di **Ferry Lake Cruise to Brienz**:

- Menikmati pemandangan yang luar biasa dari tasik yang jernih dikelilingi oleh pergunungan Alps dengan pelayaran ferry lake cruise ke Brienz. Memberikan pengalaman menakjubkan serta dapat melihat kawasan sekeliling yang melalui kawasan pedesaan yang indah, dengan kampung-kampung kecil dan rumah-rumah tradisional di sepanjang tepi tasik.

Lawatan di **Panoramic Train to Lucerne (Luzern)**

- Lawatan dengan kereta api panorama ke Lucerne (Luzern) merujuk kepada perjalanan menaiki Luzern-Interlaken Express, sebuah kereta api panorama yang menghubungkan bandar Lucerne dan Interlaken di Switzerland. Perjalanan selama kira-kira 1 jam 50 minit ini menawarkan pemandangan menakjubkan melalui lima tasik gunung yang jernih, air terjun yang mengalir deras, kampung-kampung tradisional, dan panorama pergunungan Alps yang memukau.

Bermalam di **Zurich**.

HARI 10 ZURICH - ISTANBUL

SP

Masa bebas pada waktu pagi. Bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang terus ke Kuala Lumpur. (Transit di Istanbul)

HARI 11 KUALA LUMPUR

Tiba di Lapangan Terbang Kuala Lumpur 1.

PERTUKARAN MATA WANG

 USD 1 = MYR 4.70

 EUR 1 = MYR 5.20

 **Musim Panas:** Jun - Ogos

 **Musim Luruh:** Sept - November

 **Musim Sejuk:** Disember - Feb

 **Musim Bunga:** Mac - Mei



PERBEZAAN WAKTU

Eropah: GMT-7 | Itali: GMT+1 | Malaysia: GMT+8



TOUR HIGHLIGHTS

1.



FOXTOWN

Membeli-belah di FoxTown Factory Stores yang menawarkan pelbagai butik barangan berjenama seperti Burberry, Clarks, D&G, Furla dan banyak lagi.

2.



FERRY LAKE CRUISE TO BRIENZ

Menikmati pemandangan yang luar biasa dari tasik yang jernih dikelilingi oleh pergunungan Alps dengan pelayaran ferry lake cruise ke Brienz.

3.



VENICE ISLAND

Sebuah pulau yang terkenal di Itali yang dibina di atas rangkaian lebih 100 pulau kecil yang dipisahkan oleh terusan dan jambatan. Terkenal dengan gondola, seni bina unik dan sejarah kebudayaan.

4.



JUNGFRAUJOCH

kawasan tinggi di pergunungan Alps, Switzerland, dikenali sebagai "Top of Europe".

Hotel Penginapan

3* Hotel

BANDAR	HOTEL/SETARAF	BIL. MALAM
Rome		1 Mlm
Florence		1 mlm
Venice		1 Mlm
Milan		1 Mlm
Lugano		2Mlm
Interlaken		1 Mlm
Zurich		

Jadual Penerbangan



HARI	PESAWAT	SEKTOR	ETD	ETA
1	TK 61	KUL - IST	2345	0520
2	TK 1861	IST - FCO	0735	0920
10	TK 1910	ZRH - IST	1805	2310
11	TK 60	IST - KUL	0155	1705

Harga Pakej Termasuk

- Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcaj minyak dan cukai penerbangan.
- Penginapan hotel bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes).
- Sarapan pagi di hotel dan makan malam sepanjang lawatan mengikut aturcara.
- Tiket return keretapi Tesch & Zermatt.
- Tiket masuk ke Jungfrauoch.
- Tiket feri Lake Cruise ke Brienz.
- Tiket keretapi panorama ke Lucerne.
- Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.
- Pengangkutan feri di Venice dan Lake Como.
- Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.
- Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran.

Harga Pakej Tak Termasuk

- Sewa bot Gondola di Venice dan lain-lain tiket masuk lawatan yang tidak dinyatakan.
- Kos ujian antigen atau PCR COVID-19 sekiranya disyaratkan oleh negara dilawati.
- Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.
- Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.
- Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.
- Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.
- Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

